

## NEGERI SABAH

KEW.400-8/2010-2011/1

Kementerian Kewangan,  
24 Mac 2010

KEPADA : Semua Setiausaha Tetap,  
Semua Ketua Jabatan Negeri,  
Semua Pegawai Daerah/Penolong Pegawai Daerah

### PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BIL.6 /2010 PEMERIKSAAN ANGGARAN PERBEKALAN NEGERI SABAH 2011

Surat pekeliling ini adalah sebagai susulan kepada Pekeliling Kementerian Kewangan bil.4/2009 bertarikh 13 April 2009, Anggaran Perbekalan Negeri Sabah, 2010-2011.

2. Sayugia dimaklumkan bahawa pekeliling tersebut di atas menjelaskan bahawa urusan mengemaskini semua Cadangan Perbelanjaan Perbekalan tahun 2011 Jabatan dan Agensi di bawah kawalan semua Pegawai Pengawal termasuk di peringkat Daerah dan Daerah Kecil hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan pada *penghujung Jun 2010*. Garis panduan, peraturan-peraturan dan strategi-strategi yang terkandung dalam pekeliling dirujuk masih berkuatkuasa.

3. Strategi mengawal perbelanjaan tahun 2011 yang melibatkan perhatian dan tindakan Pegawai Pengawal diperjelaskan kembali dalam pekeliling ini seperti berikut:

3.1. Pegawai Pengawal diminta memberi perhatian kepada pengurusan fiskal berhemah. Oleh itu, langkah-langkah tertentu hendaklah diambil seperti berikut:-

(i) Sumber kewangan perlu diuruskan secara berhemah, cekap dan berhati-hati termasuk melaksanakan amalan terbaik dalam pengurusan fiskal untuk memastikan perbelanjaan awam terus mendokong dan merangsang ke arah pencapaian objektif organisasi pada keseluruhannya;

- (ii) Kenaikan perbelanjaan mengurus hendaklah dikawal ke tahap yang mapan supaya perbelanjaan mencerminkan keperluan sebenar sahaja dan mengelakkan berlakunya pembaziran; dan
- (iii) Memastikan semua aktiviti yang diluluskan dilaksanakan dengan cekap, berkesan, berhemah dan mengikut jadual yang ditetapkan.

3.2. Pegawai Pengawal adalah dikehendaki memastikan langkah-langkah berikut sentiasa dijadikan panduan asas dalam menyediakan cadangan anggaran belanjawan:-

- (i) Memastikan peningkatan produktiviti dan inovasi yang berterusan. Implikasi kewangan dan 'value for money' hendaklah sentiasa dititikberatkan;
- (ii) Mengawal pertambahan perjawatan dalam perkhidmatan awam dan memastikan saiz perkhidmatan awam selaras dengan fungsi, skop tanggungjawab semasa agensi-agensi Kerajaan berkaitan;
- (iii) Pengisian kekosongan perlu diselaraskan dengan perancangan strategik tenaga kerja anggota perkhidmatan awam dan berasaskan pertumbuhan minima (minimal growth) perbelanjaan emolumen yang mana tidak melebihi 5% setahun;
- (iv) Pembekuan pengisian jawatan kosong kecuali jawatan-jawatan yang kritikal akan diteruskan (tertakluk kepada kelulusan Kementerian Kewangan);
- (v) Mengawal perbelanjaan ke atas penggunaan dan penyenggaraan kenderaan, utiliti (telefon, air, elektrik) dan sebagainya;
- (vi) Perbelanjaan ke atas upacara/majlis-majlis rasmi/perayaan yang dilakukan secara berlebihan hendaklah dielakkan dan pembelian pakaian khas tidak digalakkan;
- (vii) Bilangan penyertaan kursus/seminar anjuran swasta hendaklah dihadkan dan diberikan keutamaan kepada pegawai-pegawai yang memerlukan peningkatan kemahiran yang berkaitan dengan bidang tugas;

- (viii) Mengurangkan dan mengawal perbelanjaan ke atas pengangkutan dan perjalanan;
- (ix) Pengubahsuaian pejabat memerlukan kelulusan Kementerian Kewangan terlebih dahulu; dan
- (x) Perbelanjaan khas terutama sekali pembelian perkakas, mesin dan kelengkapan pejabat hendaklah berasaskan rekod inventori yang kemaskini dan yang benar-benar diperlukan untuk diganti dengan penjelasan serta justifikasi yang munasabah.

4. Bagi penyediaan Anggaran Hasil, beberapa tindakan penting hendaklah diambil seperti berikut:-

- 4.1. Pegawai Pengawal yang bertanggungjawab untuk menyediakan dan mengemukakan draf Anggaran Hasil ini adalah disenaraikan di Lampiran A. Ketua ketua Jabatan Persekutuan diperingkat Negeri yang terlibat selaku pengawal hasil adalah seperti berikut:

Pecahan Kepala	Tajuk	Pegawai Pengawal
62201	Cukai eksport keatas balak dan hasil hutan...	Pengarah Kastam Wilayah
62202	Cukai Import ke atas petroleum	"
71103	Senjata Api...	Pesuruhjaya Polis
72117	Senjata Api dan Bahan-bahan Letupan ...	"
72101	Akta Membaharui Undang Undang (Perkahwinan dan Negara Penceraian 1977)	Pengarah Pendaftaran

- 4.2. Pegawai Pengawal yang bertanggungjawab dalam penyediaan Anggaran hasil adalah diminta untuk mengemukakan butir-butir Anggaran Hasil Disemak bagi tahun 2010 dan Anggaran Hasil bagi tahun 2011 dengan menggunakan Borang F.S.6 dan dimajukan kepada Kementerian ini tidak lewat dari 07 Ogos 2010.



4.3. Bagi tujuan penyediaan Anggaran Hasil tahun hadapan, perkara perkara yang hendak diambil perhatian adalah seperti berikut:

- (i) Anggaran Hasil hendaklah menunjukkan tren peningkatan. Jika tidak dapat berbuat demikian maka Pegawai Pengawal berkenaan dikehendaki memberi penjelasan lanjut;
- (ii) Anggaran bagi setiap kod hasil perlu disokong oleh andaian andaian yang realistik;
- (iii) Sama ada kadar kadar hasil yang sedia ada perlu dikaji semula atau tidak;
- (iv) Sama ada terdapat pengeluaran dalam bentuk perkhidmatan atau barangan yang boleh dijual;
- (v) Bagi pungutan hasil secara “ad-hoc” atau tidak diulangi pada tahun berikut, adalah memadai untuk dimasukkan dalam kod hasil “Pelbagai”.
- (vi) Hasil yang dikutip selaras dengan undang undang tertentu patut dikredit dalam kod hasil berkenaan.

4.4. Draf Anggaran Hasil yang telah dilengkap bolehlah di “e-mel” kepada Encik Abd. Jamal Hj. Abd. Rahim (e-mel:- [AbdJamal.AbdRahim@sabah.gov.my](mailto:AbdJamal.AbdRahim@sabah.gov.my))/ Encik Christopher Jobit ( e-mel:- [Christopher.Jobit@sabah.gov.my](mailto:Christopher.Jobit@sabah.gov.my)). Walaubagaimanapun salinan Anggaran hasil hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan ini.

5. Cadangan pengemaskinian vot Perbelanjaan Tanggungan dan Perbekalan tahun 2011 hendaklah dikemukakan mengikut format (dilampirkan) berikut:

5.1. Lampiran B, Borang F.S.12A, F.S. 12A (1), F.S.12B dan F.S.13. Sila kemukakan laporan/dokumen dalam 6 naskah dan disket 1 keping.

5.2. Borang F.S.20. Sila kemukakan laporan/dokumen dalam 2 naskah dan disket 1 keping.


5.3. Draf cadangan Anggaran Perbelanjaan yang telah lengkap bolehlah di 'e-mel' kepada Puan Junie Doris Yapp (e-mel:- [JunieDoris.Yapp@sabah.gov.my](mailto:JunieDoris.Yapp@sabah.gov.my))/ Puan Myrna Jimenez (e-mel:- [Myrna.Jimenez@sabah.gov.my](mailto:Myrna.Jimenez@sabah.gov.my)).

6. Sebagai kemudahan rujukan, berikut adalah jadual mengemukakan Cadangan-Cadangan Anggaran Hasil dan Perbekalan:-

Bil	Butir-butir yang diperlukan	Tarikh
(i)	Cadangan Perbelanjaan Perbekalan 2011 bagi Maksud Tanggungan dan Perbekalan kepada Setiausaha Tetap Kementerian berkenaan masing-masing.	27 Mei 2010
(ii)	Komen dan syor oleh Setiausaha-Setiausaha Tetap Kementerian berkenaan kepada Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan	30 Jun 2010
(iii)	Cadangan Perbelanjaan Perbekalan 2011 bagi Maksud Tanggungan dan Perbekalan daripada Pegawai-pegawai Daerah kepada Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan	30 Jun 2010
(iv)	Anggaran Hasil Tahun 2011 kepada Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan	07 Ogos, 2010

Sekian dan terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"JIMAT DAN PRODUKTIF"**



[DATUK PG. HASSANEL DATUK PG. HJ. MOHD. TAHIR]  
Setiausaha Tetap

s.k. Setiausaha Kerajaan Negeri,

-,- Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia, Kuala Lumpur.

-,- Setiausaha Persekutuan, Sabah, Kota Kinabalu.

-,- Semua Badan-Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan.

**CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN BERULANG**

KEPALA: KEMENTERIAN/JABATAN:

(Contoh) Objek Am/Sebagai/ Lanjut (Bedasarkan Program, Aktiviti Dan Jenis Perbelanjaan)	Perbelanjaan Sebenar Tahun 2009 (RM)	Jumlah Peruntukan Diluluskan Tahun 2010 (RM)	Cadangan Anggaran 2011 (RM)	Justifikasi Permohonan	Catatan
<p><b>Program: 010000 PENTADBIRAN AM DAN PENGURUSAN SUMBER</b>  <b>Aktiviti: 010200 PENTADBIRAN SUMBER MANUSIA</b>                      21101 Makanan dan Minuman                      21102 Penginapan                      21104 Elaun Perjalanan, Bayaran Tambang Bas dan Teksi                      21106 Bayaran Kapal Terbang                      21000 Jumlah Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup</p>			2011 (RM)	(a) Elaun Makan Bil Pegawai x Hari x Kadar (b) Hotel dan Lojing  Bil. Pegawai x mim x Kelayakan(kadar)	
<p><b>AKTIVITI: 010400 PENTADBIRAN AM PEJABAT</b></p>				(a) Telefon (RM x 12 bulan) (b) Bil Elektrik (RM x 12 bulan) (b) Bil Air (RM x 12 bulan)	
<p><b>23000 Perhubungan Dan Utiliti</b></p>				1. Kereta (i) Minyak Disedi @ sen seliter sen x liter x 12 bulan	
<p>26201 Minyak Petrol                      26302 Tayar dan Tiub</p>				(2) Bot/Perahu Peruntukan diperlukan seperti berikut:- (i) Minyak Disedi @ sen seliter sen x liter x 12 bulan	
<p><b>26000 Jumlah Bekalan Bahan Mentah dan Bahan-bahan untuk Penyelenggaraan dan Pembaikan</b></p>					

Nota: Sila buat perincian pecahan jenis perbelanjaan Kod Objek Sebagai di atas kepada Objek Lanjut

**CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN BERULANG**

KEPALA: KEMENTERIAN/JABATAN:

(Contoh) Objek Am/Sebagai/ Lanjut (Bedasarkan Program, Aktiviti Dan Jenis Perbelanjaan)	Perbelanjaan Sebenar Tahun 2009 (RM)	Jumlah Peruntukan Diluluskan Tahun 2010 (RM)	Cadangan Anggaran 2011 (RM)	Justifikasi Permohonan	Catatan
<p><b>27000 Bekalan Dan Bahan-Bahan Lain</b>                      Surat Khabar, Buku Sebaran, Majalah Warta Kerajaan, Bil, Buku- buku Majalah                      27101                      27102 Alat Tulis Pejabat                      27103 Alat Tulis Komputer                      27605 Pakaian seragam  <b>27000 Bekalan Dan Bahan-Bahan Lain</b>                      Penyelenggaraan Kenderaan Penumpang Termasuk Van, Bas, Kereta, Motosikal dan Skooter                      28301  <b>28000 Penyelenggaraan Dan Pembelian Kecil Yang Dibeli</b></p>				<p>1. Surat Khabar                      2. Alat tulis Pejabat                      3. Alat Tulis Komputer                      4. Pakaian seragam                      Penyelenggaraan kenderaan                      RM x buah x 12 buah</p>	

Nota: Sila buat perincian pecahan jenis perbelanjaan Kod Objek Sebagai di atas kepada Objek Lanjut



### CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN BERULANG

KEPALA: *KEMENTERIAN/JABATAN:*

(Contoh) Objek Am/Sebagai/ Lanjut (Bedasarkan Program, Aktiviti Dan Jenis Perbelanjaan)	Perbelanjaan Sebenar Tahun 2009 (RM)	Jumlah Peruntukan Diluluskan Tahun 2010 (RM)	Cadangan Anggaran 2011 (RM)	Justifikasi Permohonan	Catatan
<b>Program: 060000 PERBELANJAAN KHAS</b> <b>Aktiviti: 060100 PERKAKAS, MESIN DAN KELENGKAPAN PEJABAT</b> 30000 Aset 34000 Kenderaan dan Jentera 34101 Kenderaan Penumpang 34101 Motosikal 34102 Lori					
<b>Program: 060000 PERBELANJAAN KHAS</b> <b>Aktiviti : 060200 Harta Modal-Harta Modal yang lain</b> 35102 Meja Kerani 35201 Komputer 35000 Harta Modal-Harta Modal yang lain					

Nota: Sila buat perincian pecahan jenis perbelanjaan Kod Objek Sebagai di atas kepada Objek Lanjut



**JADUAL PEGAWAI PENGAWAL**

Lampiran A

	<i>Pecahan Kepala (No. Kod)</i>	<i>Kod Objek</i>	<i>Butiran Hasil</i>	<i>Pegawai Pengawal</i>
		<b>60000</b>	<b>HASIL CUKAI</b>	
		<b>61000</b>	<b>CUKAI LANGSUNG</b>	
121	S00 0301 0001	61101	Sewa Tanah <i>Land Rents</i>	Pengarah Jabatan Tanah dan Ukur
		<b>62000</b>	<b>CUKAI TIDAK LANGSUNG</b>	
		<b>62100</b>	<b>Cukai Jualan</b>	
125	S00 0601 0001	62101	Cukai Jualan atas Minyak Kelapa Sawit <i>Sales Tax on Crude Palm Oil</i>	Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan
125	S00 0602 0001	62102	Cukai Jualan Loteri <i>Sales Tax On Lottery Tickets</i>	Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan
125	S00 0603 0001	62103	Cukai Jualan atas Penjualan Pertaruhan Melalui Mesin Slot <i>Sales Tax On Sale Of Bets Through Slot Machine</i>	Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan
		<b>62200</b>	<b>Cukai Kastam</b>	
246	S00 0101 0001	62201	Cukai Eksport ke atas Kayu Balak <i>Eksport Duty on Timber</i>	Pengarah Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja Malaysia
246	S00 0102 0001	62202	Cukai Import ke atas Barangan Petroleum <i>Import Duty on Petroleum Products</i>	Pengarah Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja Malaysia
246	S00 0103 0001	62203	Cukai Eksais ke atas Barangan Petroleum <i>Excise duty on Petroleum Products</i>	Pengarah Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja Malaysia
		<b>62300</b>	<b>Cukai Pelabuhan dan Dermaga</b>	
134	1S00 0101 0005	62301	Cukai Pelabuhan <i>Harbours dues</i>	Pengarah Jabatan Pelabuhan & Dermaga Sabah
134	S00 0104 0005	62302	Cukai Dermaga <i>Wharf Dues</i>	Pengarah Jabatan Pelabuhan & Dermaga Sabah

	<i>Pecahan Kepala (No. Kod)</i>	<i>Kod Objek</i>	<i>Butiran Hasil</i>	<i>Pegawai Pengawal</i>
		<b>70000</b>	<b>HASIL BUKAN CUKAI</b>	
		<b>71000</b>	<b>LESEN, PENDAFTARAN, PERMIT, ROYALTI DAN PREMIUM</b>	
		<b>71100</b>	<b>Lesen-Lesen</b>	
121	S00 0302 0001	71101	Lesen-Lesen Seksyen 18 BAB. 68 <i>(L.D.S) Licences - Section 18 Cap.68 (T.O.L)</i>	Pengarah Jabatan Tanah dan Ukur
121	S00 0303 0001	71102	Lesen-Lesen - Seksyen 23 BAB. 68 (Undang-Undang 3/2) <i>Licence - Section 23 Cap. 68 (Rule 3/2)</i>	Pengarah Jabatan Tanah dan Ukur
230	S00 0401 0001	71103	Senjatapi <i>Firearms</i>	Pesuruhjaya Polis
000	S00 0402 0001	71104	Penjaja-Penjaja <i>Hawkers</i>	Pegawai-Pegawai Daerah
000	S00 0404 0001	71105	Lesen-Lesen Perdagangan <i>Trade Licence</i>	Pegawai-Pegawai Daerah
000	S00 0405 0001	71106	Lesen Minuman Keras <i>Liquors Licence</i>	Pegawai-Pegawai Daerah
000	S00 0407 0001	71107	Lesen Petroleum <i>Petroleum Licence</i>	Pegawai-Pegawai Daerah
000	S00 0408 0001	71108	Lesen Pemberipinjam Wang <i>Moneylender Licence</i>	Pegawai-Pegawai Daerah
140	S00 0409 0001	71109	Lesen Pemaju Perumahan <i>Housing Developer Licence</i>	Setiausaha Tetap, Kementerian Kerajaan Tempatan & Perumahan
132	S00 0411 0001	71110	Lesen Perikanan <i>Fisheries Licence</i>	Pengarah Jabatan Perikanan
134	S00 0103 0005	71111	Kapal-Kapal dan Perikanan <i>Small Ships and Fisheries</i>	Pengarah Jabatan Pelabuhan & Dermaga Sabah
000	S00 0403 0001	71199	Lesen-Lesen dan Lain <i>Licences - Others</i>	Pegawai-Pegawai Daerah dan Ketua- Ketua Jabatan Negeri

	<i>Pecahan Kepala (No. Kod)</i>	<i>Kod Objek</i>	<i>Butiran Hasil</i>	<i>Pegawai Pengawal</i>
		<b>71200</b>	<b>Bayaran Pendaftaran</b>	
125	S00 0111 0002	71201	Pendaftaran Kontraktor-Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan <i>Registration of Works, Supplies and Services</i>	Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan
		<b>71300</b>	<b>Bayaran Permit</b>	
140	S00 0109 0002	71301	Bayaran Permit Pemaju Perumahan <i>Housing Developer Permit Fee</i>	Setiausaha Tetap, Kementerian Kerajaan Tempatan & Perumahan
132	S00 0113 0002	71302	Bayaran Permit Import dan Eksport Perikanan <i>Fisheries Import and Export Permit Fees</i>	Pengarah Jabatan Perikanan
121	S00 0304 0001	71303	Perlombongan dan Carigalian <i>Mining and Prospecting</i>	Pengarah Jabatan Tanah dan Ukur
		<b>71400</b>	<b>Royalti</b>	
120	S00 0201 0001	71401	Royalti dan Bayaran Keluaran Hutan <i>Royalti and Fees on Forest Produce</i>	Pengarah Jabatan Perhutanan
120	S00 0202 0001	71402	Royalti Eksport Kayu Diproses <i>Export Royalti on Timber Products</i>	Pengarah Jabatan Perhutanan
125	S00 0501 0001	71403	Royalti Petroleum <i>Petroleum Royalti</i>	Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan
		<b>71500</b>	<b>Premium</b>	
120	S00 0203 0001	71501	Premium Kayu Balak <i>Premium on Round Logs</i>	Pengarah Jabatan Perhutanan
121	S00 0306 0001	71502	Premium dari Jualan Tanah - Umum <i>Premium from Land Sales - General</i>	Pengarah Jabatan Tanah dan Ukur
		<b>72000</b>	<b>BAYARAN PERKHIDMATAN DAN IKHTISAS</b>	
234	S00 0410 0001	72101	Akta membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Penceraian 1976) <i>(Marriage and Divorce) Law Review Act 1976</i>	Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara

	<i>Pecahan Kepala (No. Kod)</i>	<i>Kod Objek</i>	<i>Butiran Hasil</i>	<i>Pegawai Pengawal</i>
120	S00 0204 0001	72102	Mengukur dan Memeriksa Kayu Balak dan Perkhidmatan-Perkhidmatan Lain <i>Timber Scaling, Grading, Inspection and Marking Fees and Others Services</i>	Pengarah Jabatan Perhutanan
000	S00 0103 0002	72103	Bayaran Mahkamah Anak Negeri <i>Native Court Fees</i>	Pegawai-Pegawai Daerah
156	S00 0108 0002	72104	Yuran Perkhidmatan Haiwan <i>Veterinary Fees</i>	Pengarah Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak
111	S00 0110 0002	72105	Bayaran Peperiksaan Perkhidmatan Awam <i>Public Services Examination Fees</i>	Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri
120	S00 0205 0001	72106	Yuran Kenderaan dan Perkakas Pembalakan dan Pemprosesan <i>Logging Vehicles and Logging and Processing Equipment Fees</i>	Pengarah Jabatan Perhutanan
150	S00 0206 0001	72107	Yuran Pengeluaran dan Pembaharuan Lesen dan Permit oleh Jabatan Perhutanan <i>Fees for Issuing and Renewal of Licences and Permits by Forestry Department</i>	Pengarah Jabatan Perhutanan
138	S00 0119 0006	72108	Bayaran Pengurusan untuk Pinjaman Perumahan <i>Housing Loan Management Fee</i>	Bendahari Negeri
138	S00 0201 0003	72109	Pengangkutan Keretapi Bagi Barang-Barang <i>Goods Transportation by Railway</i>	Pengurus Besar Jabatan Keretapi Negeri Sabah
138	S00 0202 0003	72110	Pengangkutan Keretapi Bagi Ternakan <i>Livestock Transportation by Railway</i>	Pengurus Besar Jabatan Keretapi Negeri Sabah
138	S00 0204 0003	72111	Pengangkutan Keretapi Bagi Bungkusan-Bungkusan <i>Parcels Transportation by Railway</i>	Pengurus Besar Jabatan Keretapi Negeri Sabah
135	S00 0205 0003	72112	Pengangkutan Keretapi Bagi Penumpang-Penumpang <i>Passengers Transportation by Railway</i>	Pengurus Besar Jabatan Keretapi Negeri Sabah
136	S00 0301 0003	72113	Bayaran Bagi Perkhidmatan Pembentungan <i>Payment for Sewerage Services</i>	Pengarah Jabatan Kerja Raya
136	S00 0102 0003	72114	Pemeriksaan Jangka oleh Jabatan Air <i>Meter Testing by Jabatan Air</i>	Pengarah Jabatan Air Sabah
136	S00 0103 0003	72115	Pemasangan dan Penyambungan Jangka Air <i>Installation and Connection of Water Meters</i>	Pengarah Jabatan Air Sabah
122	S00 0103 0006	72116	Perkhidmatan Pencetakan <i>Printing Department - Printing for Departments</i>	Pencetak Kerajaan Jabatan Cetak Kerajaan



	<i>Pecahan Kepala (No. Kod)</i>	<i>Kod Objek</i>	<i>Butiran Hasil</i>	<i>Pegawai Pengawal</i>
230	S00 0102 0002	72117	Senjatapi dan Bahan-bahan Letupan - Yuran Simpanan <i>Firearms and Explosives - Storage Fee</i>	Pesuruhjaya Polis
150	S00 0112 0002	72118	Pembayaran Komisen ke atas Perkhidmatan Potongan yang diberi <i>Payment of Commission for Discount Service Given</i>	Bendahari Negeri
150	S00 0101 0002	72119	Komisen atas Draf-draf dan Cek <i>Commission on Drafts and Cheque</i>	Bendahari Negeri
		<b>73000</b>	<b>PEROLEHAN DARI JUALAN BARANG-BARANG</b>	
		<b>73100</b>	<b>Jualan Barang-barang Cetak</b>	
000	S00 0111 0006	73101	Jualan Hasil-Hasil Terbitan dan Bahan-Bahan lain Yang Bercetak <i>Sale of Publications and Other Printed Matter</i>	Pegawai-Pegawai Daerah dan Ketua-Ketua Jabatan Negeri
000	S00 0125 0006	73102	Jualan Hasil Borang-Borang Kerajaan Negeri <i>Sales of Government Forms</i>	Pegawai-Pegawai Daerah dan Ketua-Ketua Jabatan Negeri
		<b>73200</b>	<b>Jualan Harta Benda</b>	
000	S00 0108 0006	73201	Jualan/Aset dan Barang-Barang Kerajaan <i>Sale of Government Property/Assets</i>	Pegawai-Pegawai Daerah dan Ketua-Ketua Jabatan Negeri
125	S00 0123 0006	73202	Pembayaran Ke Atas Pembelian Kereta Khas <i>Payment for Purchase of Special Vehicles</i>	Kementerian Kewangan
		<b>73200</b>	<b>Jualan Harta Benda</b>	
130	S100 0106 0006	73301	Jualan Koko <i>Sale of Cocoa</i>	Pengarah Jabatan Pertanian
130	S00 0107 0006	73302	Jualan Benih-benih Pertanian <i>Sale of Planting Materials</i>	Pengarah Jabatan Pertanian
130	S00 0109 0006	73303	Jualan Sawit <i>Sale of Oil Palm</i>	Pengarah Jabatan Pertanian
156	S00 0110 0006	73304	Jualan Ternakan dan Hasilnya <i>Sale of Livestock and Produce</i>	Pengarah Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak

	<i>Pecahan Kepala (No. Kod)</i>	<i>Kod Objek</i>	<i>Butiran Hasil</i>	<i>Pegawai Pengawal</i>
159	S00 0121 0006	73305	Jualan Sarang Burung <i>Sale of Birds Nests</i>	Pengarah Jabatan Hidupan Liar
132	S00 0124 0006	73306	Jualan Perikanan <i>Sale of Fisheries Produce</i>	Pengarah Jabatan Perikanan
156	S00 0118 0006	73307	Jualan Susu Segar <i>Sale of Fresh Milk</i>	Pengarah Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak
136	S00 0101 0003	73308	Jualan Air <i>Sales of Water</i>	Pengarah Jabatan Air Sabah
122	S00 0104 0006	73309	Jualan Alat-alat Tulis <i>Stationery</i>	Pencetak Kerajaan Jabatan Cetak Kerajaan
		<b>74000</b>	<b>SEWAAN</b>	
		<b>74100</b>	<b>Sewa Bangunan</b>	
135	S00 0202 0004	74101	Sewa Bangunan Kerajaan <i>Government Buildings</i>	Pengarah Kerja Raya dan Ketua- Ketua Jabatan Negeri
135	S00 0203 0004	74102	Sewa Bangunan Kediaman (Rumah-Rumah Tempat Tinggal Pegawai-Pegawai Negeri) <i>Rent of Quarters - State Officers</i>	Pengarah Kerja Raya
125	S00 0204 0004	74103	Sewa Bangunan Wisma Sime Darby Kepunyaan Kerajaan Negeri Sabah <i>Rent of Sabah Government owned Wisma Sime Darby</i>	Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan
135	S00 0205 0004	74104	Sewa Bangunan Wisma Tun Fuad Kepunyaan Kerajaan Negeri Sabah <i>Rent of Sabah Government owned Wisma Tun Fuad</i>	Pengarah Jabatan Kerja Raya
000	S00 0106 0002	74105	Rumah Persinggahan <i>Rest House</i>	Pegawai-Pegawai Daerah

	<i>Pecahan Kepala (No. Kod)</i>	<i>Kod Objek</i>	<i>Butiran Hasil</i>	<i>Pegawai Pengawal</i>
		<b>74200</b>	<b>Sewaan Kenderaan</b>	
135	Baru	74201	Sewa Kereta-Kereta Kerajaan <i>Rent from government Vehicles</i>	Pengarah Jabatan Kerja Raya
		<b>74300</b>	<b>Sewa Pelbagai</b>	
144	S00 0128 0006	74301	Sewa Perkhidmatan Peralatan dan Caj Bayaran Masuk Ke Kompleks Jabatan Muzium Sabah <i>Rental of Facilities and Admission Fee for Sabah Museum</i>	Pengarah Jabatan Muzium
135	S00 0201 0004	74302	Sewa Alat-alat Kelengkapan Elektrik / Elektronik <i>Electrical Appliances</i>	Pengarah Jabatan Kerja Raya
130	S00 0207 0004	74303	Kutipan Penyewaan Kemudahan-kemudahan - Jabatan Pertanian <i>Rental Collection on Facilities - Agriculture Department</i>	Pengarah Jabatan Pertanian
135	S00 0203 0004	74304	Sewa Perabot dan lengkapan <i>Furniture - State Officers</i>	Pengarah Jabatan Kerja Raya
000	S00 0206 0004	74399	Sewa Pelbagai <i>Miscellaneous Rent</i>	Ketua-Ketua Jabatan Negeri
		<b>75000</b>	<b>FAEDAH DAN PEROLEHAN DARI PELABURAN</b>	
		<b>75100</b>	<b>Faedah daripada Perusahaan Kewangan</b>	
150	S00 0103 0004	75101	Faedah dari Pinjaman-Pinjaman kepada Kuasa- Kuasa Tempatan <i>Interest on Loans to Local Authorities</i>	Bendahari Negeri
150	S00 0104 0004	75102	Faedah dari Pinjaman-Pinjaman kepada Perbadanan-Perbadanan Awam <i>Interest on Loans to Public Corporation</i>	Bendahari Negeri
150	S00 0105 0004	75103	Faedah dari Pinjaman-Pinjaman kepada Badan- Badan Berkanun <i>Interest on Loans to Statutory Bodies</i>	Bendahari Negeri
150	S00 0107 0004	75104	Faedah atas Baki Wang Tunai dan Simpanan Jangka Pendek <i>Interest on Cash Balances and Short Term Deposits</i>	Bendahari Negeri

	<i>Pecahan Kepala (No. Kod)</i>	<i>Kod Objek</i>	<i>Butiran Hasil</i>	<i>Pegawai Pengawal</i>
150	S00 0108 0004	75105	Faedah atas Pinjaman Kenderaan dan Pinjaman- Pinjaman Lain Persendirian <i>Interest on Vehicles and Other Personal Loans</i>	Bendahari Negeri
150	S00 0106 0004	75106	Faedah daripada Pinjaman Yang Lain <i>Interest on Other Loans</i>	Bendahari Negeri
		<b>75200</b>	<b>Pembahagian Untung</b>	
150	S00 0101 0004	75201	Pembahagian Perbadanan-Perbadanan Awam <i>Dividends - Public Corporation</i>	Bendahari Negeri
150	S00 0102 0004	75202	Pembahagian - Badan-Badan Berkanun <i>Dividends - Statutory Bodies</i>	Bendahari Negeri
		<b>75300</b>	<b>Perolehan daripada Penjualan Pelaburan</b>	
150	S00 0105 0006	75301	Hasil dan Faedah daripada Penjualan Pelaburan <i>Proceed from Sale of Investment</i>	Bendahari Negeri
		<b>76000</b>	<b>DENDA DAN HUKUMAN</b>	
		<b>76100</b>	<b>Denda dan Tebusan</b>	
000	S00 0420 0001	76101	Mahkamah Anak Negeri <i>Native Courts</i>	Pegawai-Pegawai Daerah
191	S00 0115 0002	76102	Kompaun Kesalahan Yang Dikuatkuasakan oleh Jabatan Konservasi Alam Sekitar <i>Compound Imposed by Department of Conservation and Environment</i>	Pengarah Jabatan Konservasi Alam Sekitar
150	S00 0116 0006	76103	Hukuman Kerana Pecah Kontrak <i>Penalties for Breach of Contracts</i>	Bendahari Negeri



	<i>Pecahan Kepala (No. Kod)</i>	<i>Kod Objek</i>	<i>Butiran Hasil</i>	<i>Pegawai Pengawal</i>
		<b>77000</b>	<b>HASIL-HASIL LAIN BUKAN CUKAI</b>	
		<b>77100</b>	<b>Pelbagai Hasil</b>	
135	S00 0302 0003	77101	Lebihan Dipindahkan kepada Hasil Negeri - Kumpulan Wang Sewa Loji (Pembaharuan) <i>Surplus Transfer to State Revenue - Plant Hire Fund (Renewals)</i>	Pengarah Jabatan Kerja Raya
150	S00 0120 0006	77102	Perolehan daripada Pemindahan Pinjaman-Pinjaman kepada Kumpulan Wang Badan-Badan berkanun dan Lain-Lain <i>Proceed from Transfer of Loans to Statutory and Other Bodies Fund</i>	Bendahari Negeri
135	S00 0101 0006	77103	Nilaian Faedah Kira-Kira daripada Stor yang Tidak Terikat <i>Credit from Unallocated Stores Price Variance Account</i>	Pengarah Jabatan Kerja Raya
000	S00 0102 0006	77104	Lebihan yang Terdapat Balik <i>Overpayment Recovered</i>	Pegawai-Pegawai Daerah dan Ketua-Ketua Jabatan Negeri
135	S00 0113 0006	77105	Kerja-Kerja yang Diuruskan Secara Sendirian <i>Works carried out on Private Account</i>	Pengarah Jabatan Kerja Raya
135	S00 0117 0006	77106	Pungutan Tol - Jalan Keningau/Kimanis <i>Tolls Collection - Keningau/Kimanis Road</i>	Pengarah Jabatan Kerja Raya
120	S00 0208 0001	77107	Pelbagai Hasil Hutan <i>Micellaneous Forest Revenue</i>	Pengarah Jabatan Perhutanan
138	S00 0203 0003	77108	Pelbagai Perolehan dan Hasil daripada Keretapi <i>Railways - Miscellaneous Revenue</i>	Pengurus Besar Jabatan Keretapi Negeri Sabah
121	S00 0305 0001	77109	Hasil-hasil Lain Tanah dan Ukur <i>Other Land and Surveys Revenue</i>	Pengarah Jabatan Tanah dan Ukur
134	S00 0102 0005	77110	Pelbagai Hasil Pelabuhan dan Dermaga <i>Other Ports and Harbours Revenue</i>	Pengarah Jabatan Pelabuhan & Dermaga Sabah
159	S00 0122 0006	77111	Pelbagai Hasil Hidupan Liar <i>Other Wildlife Revenue</i>	Pengarah Jabatan Hidupan Liar
135	S00 0104 0002	77112	Pelbagai Hasil Jabatan Kerja Raya <i>Other Public Work Department Revenue</i>	Pengarah Jabatan Kerja Raya
130	S00 0105 0002	77113	Pelbagai Hasil Jabatan Pertanian <i>Other Agriculture Department Revenue</i>	Pengarah Jabatan Pertanian

	<i>Pecahan Kepala (No. Kod)</i>	<i>Kod Objek</i>	<i>Butiran Hasil</i>	<i>Pegawai Pengawal</i>
136	S00 0104 0003	77114	Pelbagai Hasil Air <i>Micellaneous Water Revenue</i>	Pengarah Jabatan Air Sabah
000	S00 0112 0006	77199	Pelbagai Hasil Yang Lain <i>Miscellaneous Revenue</i>	Pegawai-Pegawai Daerah dan Ketua-Ketua Jabatan Negeri
		<b>80000</b>	<b>TERIMAAN BUKAN HASIL</b>	
		<b>81000</b>	<b>Pulangan Balik Perbelanjaan</b>	
135	S00 0114 0006	81101	Bayaran Balik Bayaran Air dan Elektrik Untuk Rumah-Rumah Upas <i>Reimbursements of Water and Electricity Charges for Artisans Lines</i>	Pengarah Jabatan Kerja Raya
156	S00 0126 0006	81102	Bayaran Balik Pendahuluan/Pinjaman di bawah Projek Lembu Tenusu <i>Repayment of Advance/Loans Under Project Lembu Tenusu</i>	Pengarah Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak
150	S00 0107 0002	81103	Bayaran Balik Ke atas Pelbagai Keperluan <i>Sundry Reimbursement</i>	Bendahari Negeri
		<b>82000</b>	<b>Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan</b>	
125	S00 0101 0007	82101	Pemberian Mengikut Kiraan Kepala <i>Capitation Grant</i>	Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan
125	S00 0102 0007	82102	Pemberian Khas (Perubahan Pertama) <i>Special Grant (First Revision)</i>	Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan
125	S00 0103 0007	82103	Pemberian Pertambahan Hasil (Bahagian Pertama) <i>Revenue Growth Grant (Part I)</i>	Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan
125	S00 0104 0007	82104	Pemberian untuk Menggantikan Cukai Import/ Eksais ke atas Petroleum <i>Grants to Replace Import/Excise Duty on Petroleum</i>	Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan
135	S00 0101 0008	82105	Sewa Rumah-Rumah Kerajaan <i>Rent of Government Quarters</i>	Pengarah Jabatan Kerja Raya

	<i>Pecahan Kepala (No. Kod)</i>	<i>Kod Objek</i>	<i>Butiran Hasil</i>	<i>Pegawai Pengawal</i>
135	S00 0102 0008	82106	Sumbangan kepada Kos Pelaksanaan Projek Pembangunan Persekutuan <i>Contributions Towards Implementation Cost of Federal Development Projects</i>	Pengarah Jabatan Kerja Raya
125	S00 0103 0008	82107	Pemberian Bagi Membiayai Perbelanjaan Mengurus Bagi Jabatan-Jabatan di bawah Senarai Bersama <i>Grant in aid of Operating Expenses for Departments Under The Concurrent List</i>	Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan
125	S00 0104 0008	82108	Pemberian Bagi Membiayai Perbelanjaan Mengurus Lembaga Muzium <i>Grant in aid of Operating Expenses of Sabah Museum</i>	Pengarah Jabatan Muzium
		<b>83000</b>	<b>Terimaan-Terimaan Lain</b>	
125		83101	Bon <i>Bond</i>	Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan
125		83102	Sumbangan daripada Entiti-Entiti Tertentu <i>Contribution from Specific Entities</i>	Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan